

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Monday, 16 December, 2019 10:10 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: 'Sayangi UUMku' Tekan Semangat Cintakan UUM



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

16 DISEMBER 2019 / 19 RABIULAKHIR 1441H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Unifilm

'SAYANGI UUMKU' TEKAN SEMANGAT CINTAKAN UUM



UUM ONLINE: Bertemakan 'Sayangi UUMku', seluruh warga Universiti Utara Malaysia (UUM) ditekankan agar mengamalkan kepentingan perpaduan dan semangat cintakan UUM.

Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani berkata, ia bertujuan agar kesejahteraan, kemakmuran, kebersamaan dan kecemerlangan UUM dapat dicapai secara berterusan.

Menurutnya, perpaduan staf dan pelajar amat penting agar semua hala tuju dan matlamat untuk menjadikan UUM sebagai sebuah Universiti Pengurusan Terkemuka di persada dunia dapat direalisasikan.

"Perpaduan dalam kalangan staf dan pelajar adalah asas utama kejayaan kita selama ini, bak kata pepatah 'bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana muafakat'.

"Perpaduan dan penyatuan semua elemen fizikal, sosial, ekonomi dan politik juga penting ke arah pembangunan dan pencapaian cemerlang UUM dalam era *Industrial Revolution 4.0*," katanya pada Perhimpunan Bulanan Staf UUM di Dataran Perdana, pagi tadi.

Pada masa sama, Naib Canselor berkata, UUM telah merancang beberapa inisiatif dalam usaha menambah baik pengurusan pentadbiran dan penajaan kewangan universiti, antaranya melancarkan penerbitan buku Etika Profesion Staf UUM dan buku Dasar Orang Kurang Upaya (OKU) UUM.

Menurutnya, sebagai sebuah Universiti Pengurusan Terkemuka yang menitikberatkan kecemerlangan pengurusan dan akademik serta pembinaan modal insan, buku Etika Profesion Staf UUM diharap akan menjadi panduan dan dihayati demi meningkatkan integriti, akauntabiliti dan kualiti pentadbiran dalam mencapai visi, misi dan objektif UUM.

Katanya, staf yang berintegriti tinggi pasti konsisten dan komited melaksanakan tugas selaras dengan peraturan, nilai dan etika dalam apa jua keadaan.

"Manakala buku Dasar OKU adalah suatu inisiatif penting selaras dengan Pendidikan Inklusif yang ditekankan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (MEB) 2013-2025, dan 2015-2025 (Pendidikan Tinggi), serta lanjutan daripada Pelan Tindakan Meningkatkan Pengajaran dan Pembelajaran Pelajar Kurang Upaya di IPTA (2012).

"Melalui garis panduan ini, penyediaan persekitaran pembelajaran yang kondusif serta kemudahan infrastruktur mesra OKU di IPT ditekankan, selaras dengan amalan terbaik Pendidikan inklusif bertaraf antarabangsa seperti IPT di luar negara," katanya.

Tambah beliau, garis panduan ini turut menggariskan beberapa halangan yang perlu diatasi bagi melaksanakan Dasar Inklusif Orang Kurang Upaya di IPT yang merangkumi halangan sikap, halangan fizikal, halangan komunikasi, dan halangan sistemik/organisasi.

Oleh itu, katanya, pelaksanaan dasar tersebut perlu mengambil kira langkah penyelesaian terhadap halangan tersebut supaya matlamat mengiktiraf hak pendidikan OKU tercapai.

Kali ini, UUM COB diamanahkan sebagai urus setia Perhimpunan Bulanan Staf UUM yang diadakan buat kali ketiga, seterusnya menutup tirai bagi tahun 2019.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.